

Rk

ECONEWS

WAWASAN 2020 AKAN TERCAPAI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia yakin bahawa sasaran wawasan 2020 akan tercapai, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kerajaan dan penggantinya penuh bertanggungjawab terhadap wawasan tersebut yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020, katanya ketika merasmikan persidangan antarabangsa mengenai +Malaysia: Kuasa ekonomi dekad 90-an+ di sini hari ini.

"Ini ialah kerana rakyat, keseluruhannya, telah menerimanya sebagai aspirasi dan matlamat negara. Menolak aspirasi ini bererti mengundang kegagalan," katanya kepada lebih 500 peserta tempatan dan asing di persidangan selama dua hari itu.

Persidangan itu diajurkan bersama oleh International Herald Tribune, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa.

Beliau berkata perjalanan yang dilalui tidak berjalan lancar, negara berupaya mengatasi dan terus mencatatkan pertumbuhan.

Jangkaan pertumbuhan yang berterusan oleh itu tidaklah mustahil memandangkan purata pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah sebanyak kira-kira 6.7 peratus dalam tempoh 20 tahun pertama kemerdekaannya.

"Apa yang diperlukan dalam usaha mencapai wawasan 2020 ialah pertumbuhan tambahan 0.3 peratus. Ia hanya memerlukan pertumbuhan tahunan sebanyak tujuh peratus dalam tempoh 26 tahun lagi bagi Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya."

"Kami tidak terlalu bercita-cita tinggi buat permulaanya. Kami sebaliknya adalah sederhana," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kunci bagi Malaysia mengekalkan pertumbuhan tujuh peratus setahun bergantung besar kepada meningkatkan kadar pelaburan.

"Sektor swasta harus mengambil langkah pendahuluan sementara kerajaan akan terus memastikan kestabilan sosio-ekonomi dan politik dikekalkan malah dipertingkatkan," katanya.

Di arena antarabangsa, Dr Mahathir menjelaskan Malaysia setakat ini masih berpegang teguh pada kepercayaan dalam perdagangan bebas dan rantau yang lebih terbuka dengan tiada kumpulan eksklusif.

"Cabaran-cabaran dalam ekonomi antarabangsa dan dalam negeri akan menjadi lebih genting dalam tempoh 26 tahun akan datang. Kami akan terus bersikap positif, inovatif dan pragmatik dalam pendekatan kami. Kami akan bekerja rapat dengan sektor swasta dalam usaha memaksimumkan keupayaan kami," katanya.

-- Bernama